

13/11/1999

E-Shop: Perodua terima 40 tempahan

PERUSAHAAN Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) menjangkakan tempahan yang dibuat oleh pelanggan melalui kedai elektronik (E-Shop) meningkat sehingga 80 unit sebulan.

Sejak E-Shop dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Bukit Jalil, pada 14 Oktober lalu, sebanyak 40 kenderaan Perodua ditempah.

Pengarah Urusannya, Datuk Ab Rahman Omar, berkata pihaknya agak berpuas hati dengan pencapaian itu walaupun kurang publisiti mengenai penempahan menerusi internet.

Katanya, E-Shop membolehkan kenderaan keluaran syarikat itu ditempah menerusi internet.

"Pelanggan Perodua boleh mendapatkan maklumat dan khidmat berkaitan dengan melayari laman web di alamat www.perodua.com.my," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kunci kenderaan kepada empat pembeli pertama yang menempah menerusi internet, di cawangan Perodua di Desa Pandan, di Kuala Lumpur, semalam.

Empat pelanggan terbabit ialah Zaliha Mohamad, dari Pandan Jaya, yang menempah Perodua Kembara manakala Ahmad Najib Ahmad Dahalan; Soo Eng Kan dan Ong Ai Ieen, menempah Perodua Kancil.

Ab Rahman berkata, sehingga ini seramai 8,000 orang sudah melayari laman web yang disediakan itu untuk mendapatkan pelbagai maklumat mengenai kenderaan Perodua.

Katanya, ketika ini, pihaknya berada pada peringkat awal untuk meningkatkan kesedaran kepada pelanggan mengenai untuk membuat tempahan di E-Shop terbabit.

(END)